

07/08/2003

Kongres Asia Timur jadi acara tahunan

KONGRES Asia Timur pertama yang berakhir semalam, akan dijadikan acara tahunan dengan siri keduanya dijangka diadakan di ibu negara pada Jun tahun depan.

Pengerusi Kongres Asia Timur Pertama, Tan Sri Dr Noordin Sopiee, berkata topik perbincangan Kongres Asia Timur Kedua akan ditambah dengan isu persekitaran, politik dan keselamatan.

Beliau yang juga Pengerusi dan Ketua Eksekutif Institut Kajian Antarabangsa dan Strategik (Isis) yang menganjurkan kongres itu berkata, medan perbincangan berasingan terhadap isu ekonomi dan perniagaan mungkin akan diwujudkan.

"Daripada 1,580 penyertaan pada kongres pertama ini, sebahagian besarnya adalah ahli perniagaan, tetapi mereka tidak begitu lantang bersuara.

"Kami akan wujudkan sesi berasingan pada kongres yang akan datang bagi memberi peluang mereka mengutarakan pandangan secara lebih terbuka dan menyelesaikan isu berbangkit," katanya kepada pemberita di Kuala Lumpur, semalam.

Beliau berkata, sektor perniagaan Asia Timur penting dengan nilai dagangan hampir sama dengan dagangan Kesatuan Eropah, tanpa perlu bergantung sepenuhnya kepada bantuan kerajaan.

Penolong Ketua Pengarah Eksekutif Pusat Strategik dan Kajian Antarabangsa Indonesia, Prof Dr Hadi Soesastro, berkata setiap kali pertemuan, semua perwakilan perlu membincangkan isu ekonomi sebagai teras.

Katanya, isu ekonomi dan perdagangan perlu dilihat sebagai tunjang kestabilan sesebuah organisasi, oleh itu, wakil Asia Timur perlu membincangkan isu berkenaan dari semasa ke semasa.

"Saya yakin isu ekonomi perlu ditangani sebelum mengambil kira isu lain seperti politik dan alam sekitar yang tidak kurang pentingnya dalam mengukuhkan kerjasama," katanya.

Profesor Universiti Seikei, Jepun, Prof Ryokichi Hirono pula berpendapat, perbincangan mengenai EAEG perlu lebih khusus dalam menangani masalah yang dihadapi oleh negara anggota.

"Perbincangan mengenai isu selain ekonomi dan politik perlu dilaksanakan secara lebih khusus dengan membabitkan pakar dalam bidang berkaitan.

"Dalam masa yang sama, isu berkaitan ekonomi perlu ditangani secara lebih menyeluruh," katanya.

Sementara itu, Noordin ketika ditanya sama ada semangat perjuangan kerjasama Asia Timur akan pudar selepas Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, yang lantang memperjuangkannya meletakkan jawatan Oktober ini, beliau menafikannya.

"Untuk masa akan datang, Malaysia akan meneruskan komitmen terhadap kerjasama Asia Timur. Isu ini bukan mengenai personaliti tetapi kenyataan dan logik.

"Tidak bijak jika kita berhenti memperjuangkan kerjasama ini kerana rantau ini mempunyai kekuatan tersendiri dan ia mampu menjana perubahan untuk seluruh dunia," katanya.